

PRAYER 316

Bagaimana Hendak Berdoa?

Bagaimanakah saya bercakap dengan Tuhan? Berdoa adalah bercakap kepada Tuhan. Alkitab adalah Tuhan bercakap kepada kita. Ketahuilah apa yang diajarkan Alkitab tentang doa. *"Ketika Dia [Yesus] berdoa di suatu tempat dan setelah Dia berhenti, seorang daripada murid-Nya berkata, 'Tuhan, ajarlah kami berdoa,'"* Lukas 11:1. Doakan doa yang sama itu. Ajaran Alkitab tentang doa termasuk pujian, kesyukuran, pengakuan dan doa permintaan. Pujian meninggikan, mengagungkan dan memuliakan Tuhan, Mazmur 34:1-3. *"terus menerus mempersembahkan korban iaitu pujian kepada Allah,"* Ibrani 13:15. Kesyukuran adalah kerana apa yang telah dilakukan-Nya. *"Sungguh baik mengucap syukur kepada TUHAN,"* Mazmur 92:1. Pengakuan adalah kerana dosa kita. *"Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan."* 1 Yohanes 1:9. Bawalah permintaan anda kepada Tuhan kerana Dia menjemput anda untuk meminta kepada-Nya. *"dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah."* Filipi 4:6. Permintaan agar Tuhan memenuhi keperluan rohani dan fizikal anda ada dalam doa Bapa Kami di Matius 6:9-13. Doa adalah keistimewaan dan peluang anda untuk berbicara dengan Allah yang hidup. *"Kerana mata TUHAN tertuju kepada orang yang benar dan telinga-Nya mendengar rayuan mereka,"* Mazmur 34:15. *"Oleh itu, setiap orang yang warak hendaklah berdoa kepada-Mu"* Mazmur 32:6.

Di manakah saya harus berdoa? Adalah baik untuk berdoa di bangunan-bangunan dan pertemuan pertemuan agama. Namun, Yesus berkata, *"Allah itu Roh, maka orang yang menyembah Dia harus menyembah-Nya dalam roh dan kebenaran."* Yohanes 4:24. Doa yang berkesan tidak bergantung kepada lokasi fizikal anda. Yesus berkata, *"Apabila kamu berdoa, janganlah seperti orang munafik. Mereka suka berdoa sambil berdiri di saumaah dan di simpang jalan supaya dilihat orang. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, mereka itu sudah pun mendapatkan ganjaran mereka. Tetapi kamu, masuklah ke dalam bilik, tutup pintu dan berdoalah kepada Bapamu yang tidak dapat dilihat dengan mata. Dia mengetahui apa yang kamu lakukan secara tersembunyi dan akan memberikan ganjaran kepadamu."* Matius 6:5-6. Doa yang berkesan tidak bergantung di mana anda berdoa. Ia bergantung kepada keadaan hati anda. Berdoalah di tempat umum. Berdoalah di tempat tersembunyi.

Haruskah saya berdoa dengan berlutut? Yesus, Paulus dan Daniel melakukannya, Lukas 22:41, Kisah Para Rasul 20:36, dan Daniel 6:10. Berdoalah dengan berlutut. Namun, ada juga orang lain dalam Alkitab yang berdiri, menatap ke langit, menghulurkan atau mengangkat tangan, tunduk ke tanah dan menghadap dinding. Posisi tubuh adalah bermakna dalam doa hanya kerana ia menyatakan keadaan hati anda.

Bagaimanakah saya harus berdoa? Hal *bagaimana* dalam doa adalah penting, atau lebih penting berbanding dengan *apa* doa itu. Doa Alkitabiah adalah curahan hati yang terbuka dan jujur kepada Tuhan. Tidak ada ungkapan kata, frasa atau ayat khas untuk didoakan atau dilafazkan, yang akan memaksa Tuhan untuk memberikan apa yang anda minta daripada-Nya. Arahan dan contoh-contoh dalam Alkitab termasuk berdoa:

Dengan hati yang bersyukur, 1 Tesalonika 5:18.

Dengan ikhlas, bukan sekadar hafalan, Yesaya 29:13.

Tanpa pengulangan yang tidak bermakna, Matius 6:7.

Terbuka, secara langsung dan jujur, Yesaya 37:14-17.

Dengan pengabdian dan kegigihan, Kolose 4:2, Lukas 11:5-10, 18:1-8.

Berterusan, tidak putus-putus, 1 Tesalonika 5:17.

Dengan sungguh-sungguh, Roma 15:30.

Dalam kesatuan dengan orang-orang percaya, Matius 18:19-20, 1 Timotius 2:8.

Dengan iman yang besar, Yakobus 1:6-7, Ibrani 11:6.

Sesuai dengan kehendak Tuhan, Yohanes 15:7, 1 Yohanes 5:14-15.

Dalam nama Yesus, dalam kehendak-Nya sebagai wakil-Nya, Yohanes 14:13, 15:16.

Apakah yang harus saya doakan? Dalam doa Bapa Kami, Yesus mengajar murid-murid-Nya berdoa untuk keperluan harian fizikal dan rohani mereka. Dalam doa-Nya di Yohanes 17, Yesus berdoa untuk diri-Nya, murid-murid-Nya dan untuk dunia. Yesus berjanji bahawa doa yang setia, sesuai dengan kehendak-Nya yang disampaikan kepada Bapa dalam nama-Nya akan dijawab, Yohanes 15:7, 16, 16:23, 1 Yohanes 5:14-15. Arahan arahan dan contoh-contoh Alkitabiah lain tentang apa yang harus anda doakan termasuklah:

Hikmat, Yakobus 1:5, 2 Tawarikh 1:7-12.

Kekayaan Rohani, Kolose 1:9-12.

Mereka yang menganiaya anda, Lukas 6:28.

Penyembuhan, adalah mungkin, Yakobus 5:14-15, tetapi bukan untuk semua orang, 2 Korintus 12:7-9.

Antara satu sama lain, Efesus 6:18, Yakobus 5:16.

Kerajaan anda, 1 Timotius 2:1-2.

Makanan anda, Matius 6:11, Markus 6:41, 8:6-7.

Mereka yang memerlukan Kristus, Roma 10:1.

Pekerja-pekerja untuk menyebarkan Injil, Matius 9:37-38.

Pintu yang terbuka untuk Injil, Kolose 4:3-4.

Tuhan mendengar dan menjawab doa anda. Penuhi syarat-syarat Tuhan untuk doa dan Dia akan menjawab anda. Jawapan Tuhan mungkin adalah *ya*, *ya yang tertangguh*, atau *tidak*. Dia mungkin memberi anda lebih daripada yang anda minta atau fikirkan, Efesus 3:20. Jawapan *ya* yang tertangguh daripada Tuhan mungkin adalah untuk melengkapkan anda atau melengkapkan orang lain untuk jawapan-Nya. Atau jawapan-Nya mungkin *tidak* secara muktamad. Berdoalah sambil mempunyai iman kepada-Nya dan bersungguh-sungguh mempercayai jawapan-Nya.

Tujuan anda penting. *"Kalau kamu memohonnya sekalipun, kamu tidak mendapatnya, kerana tujuanmu jahat. Kamu memintanya untuk kesenangan diri sendiri."* Yakobus 4:3.

Suami, kamu juga hendaklah hidup bersama isterimu dengan sikap mengerti. Berilah penghormatan kepada isteri sebagai kaum yang lebih lemah dan sebagai rakan pewarismu yang sama-sama menerima kasih kurnia hidup. *"Dengan demikian doamu kepada Allah tidak akan terhalang."* 1 Petrus 3:7.

Mengampuni orang lain. Sikap tidak mengampuni akan menghalang doa anda. Pengampunan anda kepada orang lain menunjukkan pengampunan yang sepatutnya anda harapkan daripada Tuhan, Markus 11:25, Matius 5:23-24, 6:12-15. Bersikap adil dan benar.

Jadilah bersih secara rohani di hadapan Tuhan, maka doa anda dapat melaksanakan banyak perkara. *"tetapi doa orang yang tulus memang keredaan-Nya."* Amsal 15:8. Namun, jika seseorang berpaling dari Hukum Taurat-Nya, *"maka doanya pun adalah kekejian."* Amsal 28:9. Tuhan melindungi, menyediakan dan menyempurnakan anda. Jawapan tidak dan penangguhan mungkin adalah untuk kebaikan anda.

Tuhan melindungi anda apabila anda tidak menyedari bahawa apa yang anda minta itu akan menyakiti anda. Tuhan lebih mengenali anda berbanding anda mengenali diri anda. Kadangkala Tuhan mengatakan tidak kerana Dia tahu akan masa depanmu dan tahu apa yang terbaik untuk anda. Kadangkala penangguhan memberikan anda masa bersedia untuk jawapan-Nya. Kadangkala penafian dan penangguhan-Nya adalah untuk menguatkan iman anda. Terimalah jawapan Tuhan dengan iman dan kesyukuran. Tuhan tahu apa yang sedang dilakukan-Nya. Bercakaplah kepada Tuhan. Dia mendengar. Berdoalah!

"Bersyukurlah dalam segala keadaan kerana inilah yang dikehendaki Allah daripadamu dalam Kristus Yesus." 1 Tesalonika 5:18

How Do I Pray? (Bagaimana Hendak Berdoa?) © 2026 oleh John D. Morris III diterbitkan oleh Acts One Eight. Anda bebas mencetak, menyalin, menyiarkan, menghantar e-mel atau mesej kandungan ini tanpa sebarang perubahan dengan menyertakan pernyataan penuh ini. Anda boleh menyertakan nama atau logo pelayanan atau gereja anda di bahagian atas muka surat satu dan menyertakan maklumat hubungan anda di atas garisan di bahagian bawah muka surat dua. Prayer316 berdasarkan Alkitab sahaja. Ia wujud untuk membantu orang untuk berdoa dan bertumbuh dalam hubungan mereka dengan Tuhan. Anda boleh menghantar e-mel kepada Acts One Eight (sebaiknya dalam bahasa Inggeris): Hello@Mail316.org. Perkhidmatan terjemahan disediakan oleh www.ChristianLingua.com. *How Do I Pray? (Bagaimana Hendak Berdoa?)* boleh didapati dalam 48 bahasa secara percuma di www.Prayer316.org. Petikan-petikan dalam versi Bahasa Inggeris adalah daripada Alkitab New American Standard Bible 1995 oleh The Lockman Foundation. Petikan-petikan Alkitab dalam terjemahan ini adalah daripada: Alkitab Versi Borneo AVBTM. Hak cipta terpelihara © 2024 Borneo Sabda Limited.